

PENGGUNAAN KAEDAH SELERE DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN MAKLUMAT BERKAITAN NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA DALAM KALANGAN MURID TAHUN 6

Nurhanis binti Zamshah

zarith.hanis@gmail.com

Shah Johan bin Othman

Jabatan Kajian Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan meningkatkan penguasaan murid sekolah rendah dalam mata pelajaran Pendidikan Sejarah khususnya maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia dengan menggunakan kaedah SELERE. Kajian ini mempertingkatkan tahap penguasaan mengenai maklumat nama ibu negeri, asal-usul nama negeri, bendera negeri dan ketua negeri bagi negeri-negeri di Malaysia. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 5 orang murid tahun 6E dari sebuah sekolah rendah di daerah Kubang Pasu yang tidak dapat menguasai maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia semasa dalam proses pengumpulan data awal iaitu tidak memenuhi aspek-aspek yang telah ditetapkan dalam pemarkahan hasil lembaran kerja. Kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen digunakan untuk mengumpul data. Dapatkan kajian daripada kesemua analisis dan interpretasi data tersebut menunjukkan bahawa penggunaan kaedah SELERE dapat meningkatkan penguasaan maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia bagi murid tahun 6. Cadangan kajian seterusnya ialah membuat penambahaikan terhadap kaedah SELERE ini dengan menambah gambar rajah pada kad SELERE dengan lebih jelas dan tepat.

KATA KUNCI: Kaedah Selere, Penguasaan Maklumat, Murid Tahun 6

PENGENALAN

Transformasi pembelajaran mata pelajaran telah dilaksanakan menerusi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan merupakan penambahaikan daripada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Menerusi KSSR ini, mata pelajaran Sejarah telah diperkenalkan dan diterapkan bersama unsur-unsur kewarganegaraan, patriotisme dan perlembagaan (Zinitulniza Abdul Kadir, 2011). Mata pelajaran ini hanya mula diperkenalkan kepada murid-murid tahap dua di sekolah rendah di Malaysia pada tahun 2014.

Mempelajari subjek Sejarah bermakna perlu menghafal fakta-fakta yang berkaitan dengan tajuk. Perkara ini menyebabkan subjek Sejarah kurang menarik minat murid. Masalah yang paling ketara dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah ialah murid sukar untuk mengingati fakta sejarah dan ini merupakan antara punca yang boleh mengikis minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Sepanjang pengalaman saya dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Sejarah pada fasa ketiga praktikum yang lalu, saya telah mengenal pasti satu masalah yang agak ketara timbul dalam kalangan murid Tahun 6. Masalah ini berkaitan dengan kelemahan murid dalam penguasaan maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia.

Antara masalah yang timbul dalam kalangan murid ialah mengenai penguasaan maklumat berkaitan nama ibu negeri, asal-usul nama negeri, bendera negeri serta nama ketua negeri bagi negeri-negeri di Malaysia.

Masalah ini memperlihatkan jurang antara amalan dan nilai kepercayaan yang saya pegang selama ini. Sebelum ini, saya telah menggunakan bahan bantu mengajar seperti salinan peta Malaysia bersam kad-kad imbas mengenai maklumat negeri-negeri di Malaysia. Menurut Noraziah Abd. Hamid (1981), dalam Sukri Berawi (2006), berpendapat sejak dahulu lagi, kebanyakannya para pendidik bersetuju bahawa penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran banyak membantu untuk meningkatkan dan mempercepatkan lagi proses pemahaman dan penguasaan murid-murid terhadap kemahiran yang bakal diajar.

Penerangan serta sesi soal jawab telah dilaksanakan dengan berbantuan bahan-bahan tersebut. Namun, saya mendapati bahawa murid masih tidak dapat menguasai kesemua maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia. Bukan itu sahaja, sesetengah murid menganggap tajuk mengenai negeri-negeri di Malaysia ini adalah susah. Tanggapan mereka yang bersifat negatif telah melunturkan usaha mereka untuk percaya terhadap kemampuan dan kebolehan mereka dalam menguasai maklumat ini. Akibatnya, terdapat hasil lembaran kerja murid tidak begitu memuaskan. Kehilangan minat murid ini juga menyebabkan mereka mencetuskan masalah disiplin seperti mengganggu kawan dan melakukan kerja lain semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Rumusannya, punca kelemahan murid-murid dalam penguasaan maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia adalah disebabkan mereka tidak didedahkan dengan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang seronok dan menarik. Justeru itu, sebagai seorang bakal guru Sejarah, saya perlu berusaha membantu murid saya meningkatkan penguasaan maklumat ini.

FOKUS KAJIAN

Fokus utama dalam kajian ini adalah untuk meningkatkan penguasaan maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia. Penguasaan maklumat ini termasuklah maklumat berkaitan nama ibu negeri, bendera negeri, asal-usul nama negeri dan nama ketua negeri bagi setiap negeri di Malaysia. Kaedah yang telah diperkenalkan adalah kaedah SELERE. Penggunaan kaedah "SELERE" ini adalah merupakan satu kaedah yang diolah untuk meningkatkan penguasaan serta daya ingatan murid tentang tajuk negeri-negeri Melayu di Malaysia menerusi aspek asal-usul nama negeri, ibu negeri, bendera negeri dan ketua negeri. Kaedah ini, melibatkan tiga aspek ansur maju yang melibatkan aktiviti melihat, belajar dan mengingat.

Kaedah SELERE ini melibatkan penggunaan kaedah ansur maju dan digabunggalinkan bersama kaedah '*fun learning*'. Menurut Juliana Ling Chu Chen (2009), kaedah ansur maju merupakan salah satu kaedah untuk murid mempelajari sesuatu kemahiran itu bermula daripada langkah yang paling asas, kemudian beralih ke aras yang lebih sukar sehingga mereka dapat menguasainya. Menurut Shahabuddin Hashim (2014), kaedah permainan adalah merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang santai serta boleh dipraktikkan kerana dapat membantu guru untuk melaksanakan pengajaran di sekolah dengan lebih menarik.

OBJEKTIF KAJIAN

Meningkatkan penguasaan maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia dalam kalangan murid Tahun 6 dengan menggunakan kaedah SELERE.

SOALAN KAJIAN

Sejauhmanakah kaedah SELERE dapat meningkatkan penguasaan maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia dalam kalangan murid Tahun 6?

PESERTA KAJIAN

Kumpulan sasaran terdiri daripada 5 orang, iaitu 3 orang murid lelaki dan 2 orang murid perempuan. seorang responden mempunyai tahap pencapaian akademik yang baik namun masih tidak dapat menjawab semua soalan yang dikemukakan dengan betul. Manakala 3 orang lagi responden mempunyai prestasi pencapaian pada tahap sederhana dan seorang lagi responden berada pada tahap yang rendah dan memuaskan.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya telah merancang kaedah SELERE untuk meningkatkan penguasaan maklumat berkaitan kajian ini, saya telah merancang tiga aktiviti intervensi dengan menggunakan kaedah SELERE. Aktiviti intervensi pertama mengambil masa selama 10 minit, aktiviti kedua selama 40 minit dan aktiviti ketiga selama 10 minit. Sepanjang proses penggunaan kaedah SELERE ini telah dibantu oleh bahan bantu mengajar iaitu kad SELERE dan topi SELERE.

Berikut merupakanuraian prosedur dan langkah pelaksanaan bagi setiap sesi aktiviti intervensi dengan menggunakan kaedah SELERE.

Aktiviti Intervensi 1: See

1. Guru menunjukkan kad Selere kepada murid.
2. Guru memperkenalkan kaedah SELERE kepada murid:
 - i. Murid memerhati kad-kad SELERE yang berselerak secara aktif.
 - ii. Murid menyusun kad-kad SELERE mengikut maklumat bagi setiap negeri di Malaysia.
 - iii. Murid membacakan bersama-sama maklumat pada kad-kad SELERE yang telah disusun.

Aktiviti Intervensi 2: Learn

1. Guru mengagihkan kad-kad SELERE secara rawak kepada setiap murid dan memperkenalkan permainan Kad SELERE yang berkonsepkan permainan kad *Happy Family*.
 - i. Murid melihat kad mereka dan menyembunyikan daripada rakan yang lain supaya tidak dapat dilihat.
 - ii. Murid mencari sekiranya terdapat kad yang mempunyai warna sama atau mempunyai maklumat negeri yang sama di tangan mereka pada tangan rakan yang lain.
 - iii. Murid menyoal dan meminta kad mengenai maklumat negeri yang diperlukan daripada rakan lain bagi memperolehi 4 maklumat yang mengcukupi.
 - iv. Jika murid memiliki 4 kad yang berwarna sama, murid perlu meletakkannya di atas meja sambil menyebut "SELERE".
 - v. Murid yang berhasil menyelesaikan kesemua 4 maklumat bagi kad negeri yang berada di tangannya paling pantas dikira sebagai pemenang.

Aktiviti Intervensi 3: Remember

1. Guru memberikan penerangan kaedah *Remember* yang diadaptasi daripada permainan "hot-seat".

2. Guru memberikan nombor giliran kepada murid.
 - i. Murid yang mendapat giliran pertama telah dijadikan sebagai "hot-seat".
 - ii. Murid "hot-seat" ini berada di hadapan dan memakai topi SELERE.
 - iii. Murid mengambil satu kad SELERE yang mengandungi nama sebuah negeri.
 - iv. Murid 'hot-seat' ini dikehendaki menyatakan tiga maklumat yang tepat berkaitan negeri yang tertera pada kad yang diperolehi iaitu asal-usul nama negeri, nama ibu negeri dan nama ketua negeri.
 - v. Rakan yang lain dikehendaki untuk menyemak maklumat yang telah disebutkan oleh responden 'hot-seat' dengan merujuk kepada kad-kad SELERE yang telah disusun di atas meja.
 - vi. Sekiranya murid 'hot-seat' memberikan maklumat yang salah, rakan yang lain akan membetulkannya dengan memberi maklumat yang betul.
 - vii. Penilaian menerusi lembaran kerja menganai tajuk negeri di Malaysia dilakukan

DAPATAN KAJIAN

Data Pemerhatian

Saya telah memerhati dan merekod maklumat berdasarkan bilangan pencapaian murid-murid responden dalam setiap aktiviti intervensi kaedah SELERE menggunakan borang senarai semak pemerhatian. Terdapat 3 item yang telah diperhatikan dan dicatat di dalam senarai semak pemerhatian. Jadual 1 berikut menunjukkan perbandingan hasil dapatan senarai semak pemerhatian sebelum dan selepas pelaksanaan kajian dalam setiap aktiviti mewarna.

Jadual 1
Analisis Senarai Semak Pemerhatian

Bil.	Aktiviti	Responden	Ya/Tidak
1	Murid dapat menyusun kad SELERE mengikut maklumat negeri-negeri Melayu di Malaysia	A	Ya
		B	Ya
		C	Ya
		D	Ya
		E	Ya
2	Murid dapat memadankan serta menyelesaikan 4 maklumat negeri-negeri Melayu di Malaysia	A	Ya
		B	Ya
		C	Ya
		D	Ya
		E	Ya
3	Murid dapat menyatakan kesemua 4 maklumat berkaitan satu kad negeri yang telah dicabut di dalam kotak SELERE.	A	Ya
		B	Ya
		C	Ya
		D	Ya
		E	Ya

Sebelum kajian ini dijalankan, saya mendapati bahawa kebanyakan murid tidak berupaya mencapai penguasaan maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia secara maksimum. Hal ini telah mempengaruhi sikap dan minat mereka dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Selepas aktiviti intervensi

dilaksanakan dan kaedah SELERE diperkenalkan kepada murid-murid responden, terdapat peningkatan pencapaian yang ketara dalam kalangan murid dalam setiap aspek yang telah diperhatikan. Dalam aktiviti intervensi 3, semua murid responden telah berjaya menjawab kesemua 4 maklumat dengan betul bagi setiap item yang telah diperhatikan.

Data Analisis dokumen

Saya juga mengumpul maklumat daripada hasil lembaran kerja murid selepas intervensi kaedah SELERE dilaksanakan. Analisis perbandingan keputusan hasil lembaran kerja sebelum dan selepas intervensi telah dilakukan untuk melihat sejauhmanakah keberkesanan penggunaan intervensi ini.

Jadual 2
Keputusan Analisis Lembaran Kerja Sebelum dan Selepas Intervensi

Bil	Responden	Jumlah soalan yang berjaya dijawab sebelum intervensi	Jumlah soalan yang berjaya dijawab selepas intervensi
1.	A	21/52	49/52
2.	B	22/52	50/52
3.	C	22/52	52/52
4.	D	22/52	52/52
5.	E	23/52	49/52

Jadual 3
Peratus Markah Lembaran Kerja Sebelum dan Selepas Intervensi

Bil	Responden	Peratus markah sebelum intervensi	Peratus markah selepas intervensi	Perbezaan peratus markah
1.	A	40%	94%	54%
2.	B	42%	96%	54%
3.	C	42%	100%	58%
4.	D	42%	100%	58%
5.	E	44%	94%	50%

Jadual 12 dan Jadual 13 menunjukkan data yang telah dikumpulkan bagi melihat perbezaan pencapaian antara kedua-dua peringkat lembaran kerja tersebut. Sebelum pelaksanaan intervensi, responden hanya mendapat maksimum 23 jawapan yang betul dalam lembaran kerja yang diberikan. Daripada 5 orang responden, 1 orang responden mendapat 23 jawapan yang betul iaitu peratusan markah hanya sebanyak 44%. Manakala 3 orang responden mendapat 22 jawapan yang betul iaitu peratusan markah sebanyak 42%. Baki 1 orang responden mendapat hanya 21 jawapan yang betul iaitu dengan peratusan markah sebanyak 40%.

Selepas pelaksanaan intervensi, pencapaian markah responden dilihat telah mengalami peningkatan yang baik. Peratusan pencapaian Responden A telah meningkat daripada 40% kepada 94%. Manakala Responden B telah meningkat daripada 42% kepada 96%. Peratusan pencapaian bagi Responden C dan Responden D pula telah meningkat daripada 42% kepada 100%. Responden E pula mengalami peningkatan daripada 44% kepada 94%. Selain itu, perbezaan peratusan markah lembaran kerja sebelum dan selepas intervensi dilaksanakan terhadap kelima-lima orang responden juga telah dianalisis. Terdapat perbandingan markah yang jelas antara lembaran kerja sebelum dan selepas intervensi. Responden C dan Responden D

menunjukkan peningkatan peratus yang paling tinggi iaitu sebanyak 58%, diikuti dengan Responden A dan Responden B sebanyak 54% dan Responden E sebanyak 50%.

Secara keseluruhannya, setelah intervensi kaedah SELERE ini dilaksanakan, terdapat peningkatan peratus markah sebanyak 50% dan ke atas bagi kesemua responden yang terlibat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan intervensi ini berjaya meningkatkan pencapaian responden terhadap penguasaan maklumat berkaitan negeri-negeri Melayu di Malaysia. Hal ini juga telah dapat menjawab soalan kajian saya iaitu adakah penggunaan kaedah SELERE dapat meningkatkan penguasaan maklumat mengenai negeri-negeri di Malaysia dalam kalangan murid Tahun 6.

PERBINCANGAN DAN REFLEKSI

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan kaedah SELERE mampu meningkatkan penguasaan maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia dalam kalangan murid Tahun 6 dan menunjukkan kesan yang positif. Saya berasa bersyukur kerana kajian ini telah berjaya dilaksanakan dan mencapai objektif kajian. Saya berharap murid-murid, malah guru-guru dan pihak sekolah dapat menjadikan kaedah SELERE sebagai suatu amalan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Sebelum kajian ini dijalankan, murid-murid responden menghadapi masalah dan lemah dalam penguasaan maklumat berkaitan negeri di Malaysia. Hasil lembaran kerja mereka tidak mencapai tahap penguasaan yang memuaskan. Sepanjang proses pelaksanaan aktiviti intervensi dalam kajian ini, murid-murid responden telah melalui kaedah SELERE. Dari segi kekuatan kajian ini, kaedah SELERE telah memberi pemahaman kepada murid dengan lebih jelas tentang maklumat berkaitan negeri di Malaysia menerusi kaedah ansur maju. Menurut Ismail bin Said (2013:17), keberkesanan dan kejayaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah bergantung kepada kreativiti guru dalam merancang, mengolah dan melaksanakan pendekatan, kaedah, teknik secara bersepadu dan sistematik. Melalui penggunaan kaedah SELERE iaitu proses "See", "Learn" dan "Remember", murid dapat menguasai maklumat dengan lebih mudah.

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan penggunaan bahan bantu iaitu kad SELERE yang berwarna mengikut negeri-negeri di Malaysia. Penggunaan bahan bantu mengajar dapat merangsangkan sikap ingin tahu murid dan meningkatkan kefahaman murid untuk lebih fokus. Penggunaan kad SELERE yang berlatar belakangkan corak kartun dilihat berjaya menarik minat dan fokus responden terhadap pengajaran dan pembelajaran. Menurut kajian Nur Afifa & Norasmah (2013), penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik dan berlainan dapat meningkatkan minat dan kesungguhan murid untuk belajar.

Pelaksanaan kaedah SELERE yang menggunakan kaedah permainan turut menyumbang kepada keberkesanan intervensi ini. Hal ini kerana menurut kajian Siti Najwa & Ahmad Marzuki (2013), aktiviti belajar sambil bermain selain meyelitkan penggunaan bahan bantu belajar maupun sangat membantu menarik minat murid untuk terus melakukan aktiviti. Bermain memberikan kesan yang positif kepada kanak-kanak sama ada dalam jangka masa yang pendek maupun panjang. Pakar dalam bidang perkembangan kanak-kanak percaya aktiviti bermain dapat merangsang perkembangan fizikal, emosi, kognitif dan sosial kanak-kanak. Bermain adalah merupakan pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang terbaik dan menjadi keutamaan dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Antara kelemahan yang telah dikenal pasti di dalam kajian ini adalah berkaitan peruntukan masa yang ditetapkan bagi aktiviti kedua iaitu "Learn". Hal ini adalah kerana 40 minit yang diperuntukkan hanya dapat memberikan ruang kepada pelajar untuk bermain permainan kad SELERE sebanyak 2 pusingan sahaja. Sekiranya masa yang diperuntukkan ini ditambah, saya yakin bahawa tahap penguasaan murid terhadap maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia ini akan lebih kuat. Hal ini adalah kerana belajar menerusi pengulangan aktiviti akan menghasilkan kesan ingatan pada jangka yang lama.

Kesimpulannya, melalui penggunaan kaedah SELERE, murid telah menunjukkan peningkatan penguasaan mengenai maklumat berkaitan negeri-negeri di Malaysia. Sebagai penyelidik kajian ini, saya sangat berpuas hati dengan hasil dapatan akhir kajian ini yang telah menjawab soalan kajian. Selain itu, saya juga bersyukur kerana kaedah SELERE ini dapat memanfaatkan murid-murid responden dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Bagi kajian lanjutan, saya mencadangkan kaedah SELERE ini diperkenalkan oleh kepada guru-guru subjek Pendidikan Sejarah di sekolah melalui kursus atau latihan perkembangan staf. Hal ini kerana kaedah ini dapat meningkatkan semangat pelajar untuk belajar serta pelajar dapat belajar dalam suasana yang menyeronokkan tanpa terikat kepada bahan seperti buku teks. Banyak murid tidak dapat menguasai maklumat sejarah dengan berkesan menyebabkan mereka mendapat prestasi yang rendah dalam mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, guru boleh membina kemahiran-kemahiran teknik mengajar yang menyeronokkan dalam kalangan murid dengan menggunakan kaedah SELERE.

Intervensi yang menggunakan kaedah SELERE ini sesuai diaplikasikan bukan sahaja terhadap topik negeri-negeri Melayu di Malaysia ini tetapi juga bagi topik-topik bagi mata pelajaran Sejarah yang lain. Apa yang membezakan adalah kandungan di dalam kad SELERE ini boleh melalui proses modifikasi tetapi konsep kaedah yang sama dikekalkan dalam memberikan manfaat kepada murid yang mempunyai masalah dalam menguasai sesuatu topik Sejarah. Malah, pelaksanaan intervensi kaedah SELERE ini juga sesuai digunakan bagi mata pelajaran yang lain seperti Sains. Modifikasi hanya perlu dilakukan bagi pengisian maklumat yang terdapat pada kad SELERE dan boleh mengikuti 3 langkah aktiviti kaedah SELERE. Dengan ini, proses penguasaan maklumat akan menjadi lebih mudah dan memberi manfaat kepada para responden.

Cadangan seterusnya adalah intervensi kaedah SELERE ini harus diaplikasikan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pada zaman ini, penggunaan ICT semakin berkembang dan tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan seharian terutamanya murid-murid yang lahir dalam dunia penuh dengan teknologi dan maklumat yang serba canggih. Media ICT dapat memudahkan proses penyebaran ilmu pengetahuan. Oleh itu, intervensi ini wajar dijadikan sebagai satu aplikasi permainan maya yang boleh diakses dalam komputer.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia boleh mengambil inisiatif dengan menggunakan kepakaran guru dalam bidang ICT untuk mencipta aplikasi permainan kad SELERE ini ke dalam bentuk teknologi maklumat dan komunikasi. Semua murid berpeluang untuk bermain aplikasi permainan tersebut tanpa menyedari bahawa mereka turut belajar untuk meningkatkan kemahiran fakta sejarah.

Jika kajian ini dilanjutkan ke kitaran yang seterusnya, saya akan memurnikan lagi bahan template kad SELERE supaya lebih ceria dengan penggunaan kartun dan tulisan yang lebih jelas. Di samping itu, tambahan seperti irungan muzik semasa permainan kad SELERE dilaksanakan juga akan dilakukan bagi menambahkan lagi suasana ceria serta keseronokan murid.

Akhir sekali, saya berharap kaedah SELERE ini dapat diamalkan dan dilaksanakan oleh guru-guru Sejarah di sekolah kelak bagi membantu memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Semoga respon positif daripada kajian ini dapat meningkatkan kualiti murid dalam memartabatkan mutu mata pelajaran Pendidikan Sejarah di sekolah rendah.

RUJUKAN

- Ismail Said & Rosadah Nik Ali. (2013). *Siri pendidikan perguruan, kurikulum sejarah sekolah rendah*. Perlis: IPG Kampus Perlis.

- Juliana Ling Chu Chen. (2009). *Membaki tulisan murid tahun 3 dalam mata pelajaran bahasa Cina dengan kaedah ansur maju*. Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009,146-156.
- Nur Afifa Mohd Zaid & Norasmah Mohd Nor. (2013). *Kaedah bimbingan individu untuk membantu mengenal nombor 1 hingga 6 murid pendidikan khas, sk padang kemuning*. Terengganu: Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.
- Shahabuddin Hashim. (2014). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran kerohaniankanak-kanak*. Selangor: PTS Media Groups Sdn. Bhd.
- Siti Najwa Ghazali & Ahmad Marzuki Abdul Rahman. (2013). *Penggunaan 'kalkulatortimbul' untuk meningkatkan kemahiran mengecam dan menulis angka 1 hingga 5 murid slow learner*. Terengganu: Institut Pendidikan Guru Kampus Razali Ismail.
- Sukri Berawi. (2006). "Penggunaan kaedah bahan maujud dan kaedah biasa (conventional) dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menambah pelajar-pelajar tahap i"Kajian Penyelidikan Pendidikan Ke ArahPemantapan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran.Bintangor,Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang.
- Zinitulniza Abdul Kadir. (2011). *Sudut pandang Muhyiddin Yassin: isu, kontroversi, pandangan serta harapan, sebuah wawancara*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

NURHANIS BINTI ZAMSHAH 920128-07-5354 PISMP SEJARAH SEMESTER 8	NURHANIS BINTI ZAMSHAH 920128-07-5354 PISMP SEJARAH SEMESTER 8
--	--